

07 APR 2001

Indon-diplomat

INDONESIA AKUI KESILAPAN HADIR TAKLIMAT WAN AZIZAH

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 7 April (Bernama) -- Indonesia mengakui bahawa diplomatnya telah melakukan kesilapan dengan menyertai pegawai beberapa kedutaan asing lain di Kuala Lumpur untuk menghadiri satu taklimat tertutup oleh presiden Parti Keadilan Nasional Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri kepada bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab berkata ia berlaku disebabkan oleh kegagalan untuk memeriksa balas tentang status pertemuan itu.

"Sebelum menghadiri mesyuarat itu, diplomat kami diberi jaminan bahawa majlis itu mendapat kebenaran kerajaan Malaysia," katanya kepada harian berbahasa Inggeris "The Jakarta Post".

Alwi memberi jaminan kepada Malaysia bahawa tidak ada langsung motif politik di sebalik kehadiran diplomatnya pada taklimat itu kerana mereka beranggapan majlis itu akan membincangkan tentang keadaan kesihatan Anwar.

Beliau berkata bahawa sebagai jiran terdekat Malaysia, Indonesia tidak sekali-kali akan menjejaskan hubungan baik antara kedua-dua negara.

"Saya yakin Malaysia akan faham bahawa kita tidak berniat mencampuri urusan dalaman mereka dan akan sentiasa menghormati kedaulatan Malaysia sebagai jiran kita," katanya.

Malaysia telah membidas diplomat asing kerana menghadiri taklimat oleh Wan Azizah itu minggu lepas, sambil menyifatkan kehadiran mereka itu sebagai mencampuri urusan dalamnya.

Laporan media menyebut bahawa selain Indonesia, pegawai kedutaan asing yang hadir adalah dari Australia, Britain, Kanada, Perancis, Singapura, Sepanyol, Sweden, Belanda, Amerika Syarikat, Jerman dan New Zealand.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir membidas pertemuan itu manakala Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata beliau akan memanggil semua diplomat yang hadir itu untuk mendapatkan penjelasan.

Alwi berkata ia seharusnya menjadi satu pengajaran dan pada masa depan, diplomat Indonesia hanya boleh menghadiri mesyuarat seumpama itu yang dibenarkan oleh negara tuan rumah.

-- BERNAMA

OPP AZZ MAI